



Kebanjiran Pekerja Asing Bawa Manfaat?

MASALAH kebanjiran pekerja asing sering tenggelam timbul dari semasa ke semasa. Isu ini kembali hangat diperkatakan di Malaysia ketika wabak COVID-19 ini sedang leluasa. Bagi mengambil kesempatan ini, isu yang ingin saya bangkitkan bukanlah tentang banyak daripada kalangan pendatang asing ini yang disyaki positif koronavirus tetapi tentang ada tidaknya manfaat kebanjiran mereka kepada ekonomi negara. Isu ini, walau bagaimanapun, sangat sensitif untuk dibincangkan. Terdapat sejumlah orang yang terlibat dalam penganjuran kemasukan pekerja asing ini terdiri daripada mereka yang amat berpengaruh.

Kegiatan sedemikian yang sering dikaitkan dengan pemerdagangan manusia yang

tidak bermoral dan dikutuk oleh masyarakat antarabangsa telah menjadi perniagaan yang amat lumayan. Dalam hubungan ini, Malaysia pernah digolongkan sebagai kategori tingkat ketiga (*tier-3*), yakni kategori yang terendah yang membawa pengertian kepada keterlibatannya dalam kegiatan pemerdagangan manusia.

Kebanjiran pekerja asing membawa erti bilangan pekerja asing yang terlalu ramai. Tiada siapa yang tahu dengan tepat hatta kerajaan sekali pun, berapa ramaiakah pada ketika ini bilangan pekerja asing di Malaysia. Mereka boleh digolongkan kepada dua kategori utama, golongan yang pertama, terdiri daripada yang berdaftar dan golongan yang kedua, terdiri



Oleh
**PROFESOR EMERITUS
DATUK DR. ZAKARIAH
ABDUL RASHID**
Penganalisis Ekonomi

daripada yang tidak berdaftar yang juga digelar sebagai PATI (pekerja asing tanpa izin). Jumlah PATI ini dianggarkan sebanyak dua hingga tiga kali ganda bilangan yang berdaftar. Hal ini bermakna, dengan bilangan mereka yang berdaftar kini lebih kurang 1.2 juta, maka terdapat lebih kurang 4.5 juta hingga 6.0 juta orang pekerja asing jumlah keseluruhan pada masa ini.

Dengan saiz guna tenaga kini yang berjumlah lebih sedikit daripada 15 juta orang, perkara ini bermakna jumlah pekerja asing dianggarkan sekitar 35 peratus hingga 45 peratus daripada jumlah guna tenaga negara. Dengan jumlah seramai inilah agaknya, maka kita merujuk kehadiran mereka sebagai "kebanjiran". Kecuali sebilangan yang amat kecil daripada mereka yang memegang jawatan profesional dan pengurusan atau dipanggil juga dengan gelaran pegawai dagang, keseluruhan mereka ialah golongan pekerja berkemahiran rendah dan tidak mahir, justeru itulah sebabnya nisbah buruh berkemahiran tinggi di dalam negara ini kekal rendah pada sekitar kurang daripada 30 peratus.

Mengapakah kita membiarkan berlaku kebanjiran pekerja asing ini? Apakah sebenarnya manfaat yang diraih oleh negara dengan kebanjiran sedemikian? Mari kita tumpukan perbincangan dengan melihat dari aspek manfaat ekonominya sahaja.

Sebagai sebahagian besar daripada guna tenaga negara, pekerja asing tidak boleh tidak telah mencorakkan struktur dan teknologi pengeluaran negara.

Sebagai pekerja, mereka dibawa masuk ke dalam ekonomi tempatan untuk menyumbang kepada penjana nilai tambah output negara, yakni menyumbangkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Mereka dibawa masuk sebagai pekerja untuk membantu bagi mengukuhkan pertumbuhan KDNK Malaysia sedangkan negara ini yang taraf ekonominya lebih tinggi daripada negara lain di rantau ini dapat

PATI dibayar dengan gaji yang rendah berbanding dengan pekerja tempatan, maka majikan lebih gemar menggaji mereka.

Malaysia pernah digolongkan sebagai kategori tingkat ketiga (*tier-3*) dari segi keterlibatannya dalam kegiatan pemerdagangan manusia.

menawarkan gaji yang lebih tinggi. Malaysia mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi dengan penyediaan kemudahan awam yang lebih baik sedangkan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih terkawal. Faktor ini semua menjadi daya tarikan kepada pekerja asing untuk masuk ke negara ini.

Kebanjiran pekerja asing ini menyebabkan teknik pengeluaran kita lebih cenderung kepada yang berintensifkan buruh berkemahiran rendah. Oleh sebab hampir semua mereka tergolong sama ada sebagai kurang mahir ataupun berkemahiran rendah serta dengan tambahan dua pertiga mereka ialah PATI yang tentunya tidak mempunyai kuasa sama sekali bagi tawar-menawar dalam penentuan gaji. PATI dibayar dengan gaji yang rendah berbanding dengan pekerja tempatan, maka majikan lebih gemar menggaji mereka.

Selain dibayar dengan kadar gaji yang lebih rendah, atas sebab tertentu mereka juga dikatakan oleh majikan kurang menimbulkan pelbagai kerenah kerja. Pada kesudahannya, gaji purata negara tertekan ke bawah dan kekal rendah, maka syer gaji kepada KDNK Malaysia



menyerlah, Malaysia gagal untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi yang dirancang tiga dekad yang lalu yang disasarkan akan dapat dicapai pada tahun 2020 ini. Saya kuat meyakini bahawa kegagalan kita ini sebahagian besar disebabkan kebanjiran pekerja asing.

Mari kita berbalik pada persoalan asas tentang manfaat ekonomi membawa masuk banyak pekerja asing. Sesuatu projek yang diusahakan di dalam negara akan dapat menjanakan manfaat atau nilai kekayaan dalam bentuk nilai tambah, seterusnya mengembangkan KDNK. Kita ingin bertanya siapakah atau golongan manakah yang dapat menikmati kekayaan itu, yakni persoalan tentang bagaimanakah manfaat ini diagihkan? Persoalan inilah yang dibangkitkan dalam perenggan di atas.

Bagi pekerja asing, nilai tambah yang dijanakan mereka pada peringkat domestik walaupun jumlah terkumpulnya amat besar, setiap seorang pekerja memperoleh jumlah yang kecil kerana kadar gaji yang rendah yang dibayar kepada mereka. Pandangan sedemikian perlu kepada penelitian yang lebih rapi. Ada dua persoalan yang boleh ditimbulkan. Yang pertama, tentang aliran keluar remitan gaji pekerja asing ke negara lain. Sejumlah gaji yang dibayar kepada pekerja asing, data remitan menunjukkannya dialir keluar ke negara lain.

Yang kedua, oleh sebab mereka bukan rakyat Malaysia, justeru pendapatan gaji mereka bukanlah pendapatan gaji rakyat Malaysia. Akan tetapi, pendapatan pekerja asing itu merupakan sebahagian daripada KDNK Malaysia dan bukan sebahagian daripada Pendapatan Negara Malaysia; sebaliknya ialah Pendapatan Negara asal mereka. Inilah satu daripada punca yang menyebabkan Pendapatan Negara Malaysia lebih rendah daripada KDNK Malaysia. Dalam makalah ini, saya tidak bercadang untuk membincangkan isu sebab-musabab KDNK Malaysia lebih besar daripada Pendapatan Negara Malaysia, mungkin akan saya lakukan pada kesempatan yang lain.

Projek ekonomi sedemikian pastinya mempunyai kandungan import yang tinggi (*high import coefficient*), input yang diimport

menjadi antara yang terendah di rantau ini. Keadaan tempat penginapan dan kehidupan mereka amat jauh daripada memuaskan sehinggalah negara ini pernah dilabelkan dalam kategori *tier-3* dalam kegiatan pemerdagangan manusia. Berbalik pada persoalan kita, adakah alasan untuk mengukuhkan pertumbuhan KDNK sehingga mereka ini boleh dipancing sebagai pekerja dengan gaji yang rendah dapat diterima? Oleh sebab pemerdagangan manusia sudah dianggap sebagai kegiatan yang haram oleh piawaian kemanusiaan, maka Organisasi Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*, ILO) tidak menghalalkan diskriminasi gaji berdasarkan perbezaan pekerja asing - pekerja tempatan (Malaysia tidak membezakan kadar gaji minimaum antara pekerja tempatan dengan pekerja asing).

Melihatkan prestasi pertumbuhan KDNK negara yang lemah sejak kebanjiran mereka, kita tidak dapat menerima alasan bahawa kebanjiran mereka telah mengukuhkan pertumbuhan KDNK. Sebaliknya kebanjiran mereka sesungguhnya telah menghambat pertumbuhan KDNK yang cergas. Yang paling

